

PLUS DAN YINSON GREENTECH LANCAR HAB PENGECCASAN EV BERSEPADU PERTAMA DI MALAYSIA

Seremban, 16 Oktober 2025 - PLUS Malaysia Berhad (PLUS), menerusi kerjasama strategik bersama Yinson GreenTech, telah melancarkan majlis pecah tanah bagi pembangunan Hab Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) Bersepadu Pertama di Malaysia (Hab EV), bertempat di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (Arah Selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan.

Projek ini merupakan hasil usaha sama strategik antara sektor awam dan swasta di bawah penyelarasan Kementerian Kerja Raya (KKR) serta pemantauan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), yang berperanan memastikan pembangunan infrastruktur lebuhraya negara kekal efisien, moden dan mampan.

Pembangunan ini bakal merevolusikan konsep kawasan rehat lebuhraya dengan mengintegrasikan teknologi pengecasan pantas kenderaan elektrik (EV) bersama ekosistem perkhidmatan sampingan yang moden dan dinamik. Inisiatif ini sekali gus memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju infrastruktur lebuhraya lestari di rantau Asia Tenggara.

Hab EV bersepadu pertama di R&R Seremban ini akan dilengkapi dengan 20 poin kemudahan pengecasan pantas yang membolehkan pemandu EV mengecas kenderaan mereka dalam masa yang singkat antara 20 hingga 30 minit.

Melengkapi Hab EV bersepadu berteknologi tinggi ini ialah ruang perkhidmatan F&B, termasuk kemudahan pandu lalu, kawasan parkir yang luas untuk kenderaan bukan EV serta kemudahan asas seperti tandas awam dan surau bagi keselesaan serta kemudahan pengguna lebuhraya.

Majlis pecah tanah telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Turut hadir ke majlis ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Dato' Mohd Sakeri Abdul Kadir; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Ir. Hj. Sazali Harun; Pengerusi PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif; Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Yinson Holdings Berhad, Lim Han Weng dan Ketua Pegawai Eksekutif Yinson GreenTech, Lim Chern Yuan.

Reka bentuk Hab EV Bersepadu ini juga telah disediakan dengan infrastruktur solar, membuktikan komitmen Kerajaan terhadap amalan tenaga boleh diperbaharui. Infrastruktur seperti Hab EV ini bukan sahaja menyokong kemudahan perjalanan rakyat, malah akan menjana pertumbuhan sosio-ekonomi negara dari aspek menarik pelaburan domestik serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat. Kini terdapat 140 poin pengecasan pantas di seluruh lebuhraya.

Semasa majlis tersebut, PLUS dan Yinson GreenTech telah mengumumkan kolaborasi bersama melalui Terra ChargeEV Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang akan membangunkan Hab EV ini, sekali gus menyokong inisiatif negara ke arah mobiliti rendah karbon.

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, "Hab EV Seremban adalah manifestasi komitmen PLUS dalam memacu mobiliti lestari negara selari dengan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB). Hab EV bersepadu ini berupaya meningkatkan pengalaman dan memberi kemudahan kepada pengguna di lebuh raya Malaysia. PLUS juga mempunyai perancangan jangka panjang untuk membangunkan lebih banyak kemudahan Hab EV seumpama ini pada masa akan datang. Projek ini menggabungkan poin pengecasan pantas yang cekap dengan pelbagai pilihan F&B yang menarik, melengkapkan kemudahan nilai tambah terbaharu yang disediakan di kawasan rehat lebuh raya."

Tambah Datuk Nik, "PLUS merancang untuk membina 350 poin pengecas EV di seluruh negara menjelang 2028 bagi mempercepatkan penggunaan EV dan memacu pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan hab mobiliti yang inovatif.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yinson GreenTech, Lim Chern Yuan, "Hari ini merupakan detik bersejarah bagi PLUS dan Yinson GreenTech apabila kami mengintegrasikan infrastruktur pengecasan EV dengan lebuh raya Malaysia. Dengan membangunkan Hab di lokasi-lokasi strategik, seperti di sepanjang rangkaian lebuh raya utama negara, kami menangani kebimbangan utama pemandu EV iaitu kemudahan, kelajuan dan kebolehpercayaan untuk mengatasi isu jarak perjalanan serta menggalakkan penggunaan EV yang lebih meluas. Usaha kerjasama ini menjadi langkah penting dalam menyokong peralihan Malaysia ke arah mobiliti hijau dan membina ekosistem EV yang kukuh."

Projek ini menjadi antara pemangkin utama kepada aspirasi PLUS, dengan sokongan padu Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dalam usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 35 peratus menjelang tahun 2030.

Hab EV ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2027, menandakan permulaan inisiatif yang lebih meluas bagi menyediakan rangkaian lebuh raya Malaysia untuk memenuhi keperluan mobiliti masa hadapan.

- TAMAT -

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Chua Tek Yan Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Yinson Holdings Berhad Telefon Bimbit: 0111 – 66 22 178 Emel: tekyan.chua@yinson.com
---	--